

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3 (6)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2014-2015)
BILANGAN 3 TAHUN 2015**

Tarikh : 27 Mac 2015 (Jumaat)
Masa : 10.30 Pagi –12.22 Tengahari
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Pegawai Komunikasi Korporat, Unit Perhubungan Awam dan Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Februari 2015 dan Mac 2015.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

3.1 PENGURUSAN PENGANGKUTAN DI PETALING JAYA

Dalam beberapa dekad ini, negara Malaysia telah menyaksikan pembangunan yang pesat dalam sektor pengangkutan berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain. Hal ini dapat disaksikan dengan peningkatan kenderaan di bandar raya besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan tidak terkecuali di Petaling Jaya. Sebagai contoh, berdasarkan laporan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020,



hanya 20 peratus penduduk Kuala Lumpur yang menggunakan pengangkutan awam. Keadaan ini telah menyumbang kepada penambahan jumlah kereta di jalan raya dan menyebabkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran.

Mengambil contoh negara maju dan negara membangun, keadaan kesesakan lalu lintas juga masih dihadapi mereka. Dengan pelbagai usaha dan langkah terbaik yang diberikan, namun, masalah ini masih tidak dapat diselesaikan secara 'total'.

Kesesakan jalan raya juga mengakibatkan tingginya penggunaan minyak dan pelepasan gas rumah hijau. Berdasarkan kajian yang dilakukan Syarikat Prasarana Nasional Bhd (SPNB), terdapat 2.2 juta kereta masuk ke kawasan bandar pada setiap hari. Di catatkan, waktu antara 8.00 hingga 9.00 pagi dan 6.00 hingga 7.00 petang merupakan waktu puncak yang seterusnya mengakibatkan kesesakan yang teruk. Jika keadaan ini berterusan, sudah pastinya peningkatan penggunaan minyak akan lebih meningkat dan menyebabkan pelepasan gas rumah hijau akan bertambah teruk.

Penganjuran Seminar dan bengkel Pengangkutan Bandar Bersepadu ke Arah Pembangunan Mampan "*Urban Transportation Towards Sustainable City*" baru-baru ini, dapat memberi pendedahan penandaarasan mengenai sistem pengangkutan selain perancangan "*Feeder Service*" dalam cadangan kandungan Pelan Induk Pengangkutan Petaling Jaya.

Pembentang kertas kerja ialah En Leslie Wong dari Singapore Land Transport Authority, Puan Norma binti Nun dari Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Tuan Ir Dr Leong Siew Mun dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Majlis juga melalui pelan induk yang mengandungi strategi dan dasar pembangunan yang berkait rapat dengan kapasiti pembangunan, '*integrate* gunatanah dan pengangkutan dan akan dilaksanakan oleh Majlis selari dengan dasar, garis panduan dan langkah pelaksanaan di peringkat "*Master Pelan*" ini.

Melalui kajian pelan induk ini, Majlis akan melihat secara keseluruhan keberkesanan dalam bentuk sistem, hierarki dan kesesuaian jalan-jalan yang sedia ada dan akan dibangunkan mengikut fungsi asal dalam perancangan. Keberkesanan pelan ini akan menisbahkan mod pengangkutan persendirian kepada pengangkutan awam yang dijangka akan berkurangan daripada 80:20 kepada 50:50 menjelang tahun 2030.

Sejajar dengan misi menjadikan bandar Petaling Jaya sebagai sebuah bandar hijau, langkah-langkah seperti menyokong pembangunan berorientasi transit, pelbagai pembangunan akan terus disokong. Selain sistem pengangkutan bandar yang bersepadu dan efisien, penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti, pewujudan persekitaran kehidupan yang hijau dapat diteruskan.

3.2 PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

Merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Paras Garis Kemiskinan Tahun 2012 selaras dengan Rancangan Ekonomi Kesepuluh (RMK-10), Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan yang telah ditetapkan untuk isi rumah miskin tegar adalah RM520 seisi rumah manakala untuk kategori isi rumah miskin pula dalam lingkungan PGK Kasar RM830 seisi rumah.

Pada tempoh 2009-2012, peningkatan pendapatan bulanan isi rumah purata yang tinggi dengan kadar inflasi yang rendah telah memberi kesan kepada pengurangan kadar kemiskinan. Kadar kemiskinan di Malaysia telah menurun dengan ketara daripada 3.8% pada 2009 kepada 1.7% pada 2012. Jumlah isi rumah miskin telah berkurang sebanyak 52.7%, iaitu daripada 228,400 kepada 108,000 bagi tempoh yang sama.

Pengurangan insiden kemiskinan adalah menyeluruh meliputi bandar dan luar bandar. Insiden kemiskinan di bandar telah berkurangan daripada 1.7% pada 2009 kepada 1% pada 2012, sementara bagi luar bandar telah menurun daripada 8.4% pada 2009 kepada 3.4% pada tahun 2012.

Berdasarkan PGK ini kadar kemiskinan di Negeri Selangor turut menunjukkan penurunan. Pada tahun 2009, 0.7% insiden kemiskinan dicatatkan dan telah menurun kepada 0.4% pada 2012.

Namun kerajaan Negeri Selangor tidak mengguna pakai PGK yang ditetapkan oleh EPU dan menetapkan PGK sebanyak RM1,500. Berdasarkan PGK ini terdapat tiga jenis kemiskinan iaitu miskin tegar berpendapatan kurang RM420, miskin relatif pendapatan RM421 hingga RM740 manakala kategori miskin dengan pendapatan RM741 hingga RM1,500. Penetapan PGK yang baru ini telah menyebabkan kadar kemiskinan di Selangor meningkat kepada 30% berbanding 0.4% sahaja berdasarkan PGK EPU.



Di peringkat Negeri Selangor terdapat dua skim yang diperkenalkan untuk membantu golongan miskin keluar dari lingkungan kemiskinan iaitu Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR) dan Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL).

Di bawah MIMBAR Kerajaan Negeri memberi pinjaman mikrokredit tanpa faedah, bantuan niaga dan bantuan kerja kepada peniaga kecil miskin bandar yang layak di Selangor untuk menambahkan pendapatan keluarga. Jumlah pinjaman antara RM1,000 sehingga RM5,000 disediakan yang perlu dijelaskan dalam tempoh 18 bulan. Melalui SKIMSEL pula ia menyediakan kemudahan pinjaman kewangan maksimum RM3,000 dengan tempoh bayaran balik selama 12 bulan.

Berdasarkan statistik sehingga Mac 2015, di Petaling Jaya terdapat sebanyak 353 keluarga miskin di Petaling Jaya yang telah berdaftar di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB). Daripada jumlah tersebut 107 keluarga tergolong dalam miskin tegar, 97 miskin relatif dan 149 keluarga dalam kategori miskin. Berdasarkan kawasan, kawasan PJU mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 163 keluarga, PJS - 154 keluarga, Seksyen - 26 keluarga dan SS - 10 keluarga.

Menyedari situasi ini Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah merangka pelbagai program dan inisiatif membela nasib golongan miskin bandar ini seperti menyediakan latihan-latihan kemahiran untuk menggalakkan mereka menceburkan diri dalam perniagaan kecil-kecilan bagi menyara kehidupan.

Antara bengkel kemahiran yang dilaksanakan ialah bengkel jahitan, sulaman manik, bengkel kek dan hiasan, urutan refleksologi, gunting rambut dan kemahiran komputer. Pelaksanaan bengkel kemahiran ini dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Amanah Rakyat, Lembaga Zakat Selangor dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO).

Di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga terdapat beberapa Program Pembasmian Kemiskinan Bandar pada tahun 2015 iaitu Bantuan Sewa Rumah, Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, Bantuan Perumahan Bandar, Kios Penjaja Bergerak, Amanah Saham Wawasan dan Titipan Kasih. Program ini juga merupakan usaha untuk membantu golongan kurang berkemampuan dan Majlis juga akan mempertimbangkan untuk dilaksanakan di Petaling Jaya.

Selain itu juga, MBPJ turut menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan ini di bawah skim *contract for service*. Di bawah PPKB setakat ini, MBPJ telah melantik dua Pekerja Awam selaku Penjaga Dewan secara dengan gaji bulanan sebanyak RM1,500 di samping



dibekalkan dengan insurans kemalangan. Bantuan diperluaskan kepada golongan ibu tunggal dengan menggaji mereka untuk bekerja sebagai Pekerja Awam dalam tempoh 6 bulan untuk menjaga kebersihan pejabat Majlis di Menara MBPJ. Seramai 13 orang sedang berkhidmat dengan MBPJ dengan kiraan pendapatan secara harian.

3.3 KARNIVAL SIHAT SELANGOR

Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ sentiasa berusaha melaksanakan inisiatif meningkatkan tahap kesihatan, keselesaan dan perpaduan melalui penyampaian sistem kesihatan berkualiti, adil dan cekap kepada individu, keluarga dan masyarakat Petaling Jaya.

Seiring itu, MBPJ telah mengambil inisiatif untuk merancang beberapa program kesihatan dan salah satu aktiviti yang akan diadakan ialah Karnival Sihat Selangor. Program yang akan melibatkan penyertaan semua penduduk Petaling Jaya akan dijalankan dengan kerjasama Lincoln University College. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan informasi mengenai aspek kesihatan awam seperti wabak demam denggi dan lain-lain.

Program ini akan diadakan selama dua hari iaitu pada 11 hingga 12 April 2015 di Taman Bandaran Kelana Jaya. Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah pameran pendidikan dan kesihatan awam, pemeriksaan kesihatan secara percuma, aktiviti berjalan kaki 10,000 langkah, senamrobik, aktiviti kanak-kanak, ceramah kesihatan dan lain-lain lagi. Di samping itu juga, aktiviti pembersihan tandas awam dan semburan *fogging* di Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya.

Saya berharap semua penduduk Petaling Jaya akan turut serta menjayakan program ini untuk memastikan kebersihan di tempat awam.

3.4 LAPORAN SITUASI WABAK DENGGI DI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Situasi kes di Malaysia sehingga minggu epid ke 11 yang berakhir pada 21 Mac 2015 jumlah kumulatif kes Denggi dilaporkan adalah 30,890 kes berbanding 21,967 kes bagi tempoh yang sama tahun 2014. Ini adalah peningkatan sebanyak 40.6% (8,923 kes). Kes kematian akibat Demam Denggi pada tahun 2014 ialah sebanyak 54 kes kematian manakala sehingga Mac 2015 sebanyak 98 kes kematian telah dilaporkan. Ini merupakan peningkatan sebanyak 81.5% penambahan 44 kes kematian.



Di Negeri Selangor, jumlah terkumpul kes demam denggi sehingga minggu 21 Mac 2015 telah mencatatkan sebanyak 18,192 kes dengan 50 kes kematian. Manakala pada tahun 2014, sebanyak 12,073 kes dan 21 kes kematian telah dicatatkan dalam tempoh yang sama. Jumlah keseluruhan kes demam denggi di Negeri Selangor pada tahun 2014 ialah 54,289 kes dan 77 kes kematian.

Laporan kes denggi di Majlis Bandaraya Petaling Jaya pula ialah sebanyak 2,401 kes dan 6 kes kematian telah dilaporkan sehingga 21 Mac 2015 dan sebanyak 1,697 kes bagi tahun 2014 bagi tempoh yang sama. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 29.3%. Keseluruhan kes pada tahun 2014 ialah sebanyak 8,478 kes dan 5 kes kematian telah dilaporkan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bilangan kes dilaporkan semenjak bulan Januari sehingga Mac 2015 adalah seperti berikut:-

Bulan		Kes Dilaporkan
Januari	-	979 kes
Febuari	-	930 kes
Mac	-	492 kes

Berbanding dengan bilangan kes dilaporkan pada bulan Jan dan Mac 2015 ini menunjukkan penurunan sebanyak 487 kes atau 49.7%. Ketika ini terdapat sebanyak 69 kawasan wabak denggi iaitu sebanyak 37 wabak terkawal, 9 lokaliti wabak tidak terkawal dan 23 lokaliti wabak Hot Spot. Bilangan lokaliti wabak juga telah menunjukkan **penurunan** jika dibandingkan awal bulan Januari 2015 iaitu 123 kawasan wabak dengan dengan wabak terkawal sebanyak 82, wabak tidak terkawal sebanyak 7 manakala sebanyak 34 wabak hotspot. Pada keseluruhannya terdapat penurunan sebanyak 54 (43.9%) kawasan wabak manakala **Lokaliti Hot Spot juga telah menurun** sebanyak 11 tempat iaitu 32%.

Pada bulan Febuari 2015, Majlis telah menubuhkan Jawatankuasa Task Force Denggi peringkat MBPJ untuk bersama-sama menjalankan aktiviti pencegahan denggi. Majlis juga telah melancarkan kempen penglibatan masyarakat dalam pencegahan demam denggi dengan menubuhkan pasukan SEDAR singkatan "Search and Destroy Aedes Rangers". Kempen SEDAR ini telah diperluaskan lagi ke kawasan komuniti setempat, sekolah dan tapak binaan.

Kempen Terjah dan Musnah Aedes juga telah dilancarkan bagi menjalankan aktiviti gotong royong membersihkan kawasan dan mencari dan memusnahkan tempat pembiakan jentik-jentik di kawasan perumahan masing masing. Dengan kerjasama semua pihak diharapkan kejadian kes demam denggi akan terus menurun.



3.5 BAZAR RAMADAN

MBPJ akan mengadakan penjualan borang tapak Bazar Ramadan pada 30 Mac 2015 (Isnin), 9.00 pagi bertempat di Stadium Petaling Jaya. Sebanyak 19 lokasi Bazar Ramadan 2015 dan 1,523 peniaga boleh mendapatkan borang Bazar Ramadan ini. Satu lokasi di Jalan Othman ditutup kerana kerja-kerja menaiktaraf hentian bas Jalan Othman.

Pada tahun ini, Bazar Ramadan bertemakan “**Bazar Ramadan Bebas Sampah**” akan dilaksanakan yang bertujuan untuk memastikan setiap peniaga bertanggungjawab ke atas kebersihan petak masing-masing.

Bagi lokasi di Taman Medan, tapak Bazar Ramadan 2015 adalah di Jalan PJS 2/3 dan mulai 1 Ramadan jalan tersebut akan dijadikan jalan sehala bermula dari pukul 3.00 petang hingga 7.00 malam.

Susunatur makanan adalah berdasarkan kepada **4:1** iaitu **4 makanan dan 1 air**, manakala bagi peniaga yang menjalankan perniagaan **bakar** akan diasingkan. Majlis juga prihatin terhadap permohonan daripada peniaga OKU, dan telah menyediakan ruang di beberapa lokasi.

3.6 PENUTUP

Beliau turut memaklumkan, ini adalah Mesyuarat Majlis yang terakhir bagi beliau di Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Beliau akan memulakan tugas sebagai Yang DiPertua Majlis Perbandaran Sepang, mulai 1 April 2015. Sejak mula bertugas di MBPJ pada 10 Mei 2007, beliau telah menyusuri suka dan duka, serta cabaran dalam perkhidmatan dan pembangunan MBPJ bersama-sama Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai, seluruh wargakerja Majlis, pemimpin-pemimpin masyarakat, jawatankuasa penduduk, sektor korporat, komuniti perniagaan dan tidak ketinggalan rakan-rakan media.

Sesungguhnya peluang yang diberikan Kerajaan Negeri Selangor kepada beliau berkhidmat selama 7 tahun 10 bulan di sebuah PBT bertaraf bandar raya ini, banyak memberikan aspirasi dalam pelbagai aspek meliputi perancangan dan pelaksanaan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial secara holistik, tadbir urus organisasi dan sistem penyampaian perkhidmatan.



Seiring itu, beliau ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor dan semua 'stakeholders' Majlis, serta memohon maaf jika terdapat sebarang kesalahan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di sini. Semoga MBPJ akan terus maju jaya menjadi bandar raya yang unggul dan tersohor di Negeri Selangor, Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Beliau mengakhiri ucapan dengan dua rangkap pantun.

Budaya bangsa hidup bersatu
Salah ditegur nasihat sentiasa
Kemantapan MBPJ saling membantu
Berpadu tenaga gemilang hasilnya

Rakit disusun dari buluh
Jangan tiada tali belati
Saya menyusun jari sepuluh
Tiada terkilan di dalam hati

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 2 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 2 Tahun 2015 bertarikh 17 Februari 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.

4.2 MINIT MESYUARAT KHAS MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 2 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

4.2.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 2 Tahun 2015 bertarikh 17 Februari 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.

4.3 MINIT MESYUARAT KHAS MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 3 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

4.3.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 3 Tahun 2015 bertarikh 27 Februari 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.



5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 2 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 FEBRUARI 2015.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
5.0 (7.1.1)	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Beliau membangkitkan berkaitan isu 'Pothole' di Petaling Jaya. Beliau berharap agar Petaling Jaya bebas daripada 'Pothole' pada penghujung bulan Januari 2015. 	<p>Mesyuarat isu <i>pothole</i> di Petaling Jaya telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 23 Disember 2014, 15 Januari 2015 dan 28 Januari 2015. Rondaan oleh petugas telah dilaksanakan dari 16 – 20 Januari 2015 bagi mengenalpasti lokasi <i>pothole</i>. Pihak Jabatan juga telah membuat lantikan 12 kontraktor kerja inden bagi kerja-kerja pembaikan <i>pothole</i> di sekitar Petaling Jaya.</p> <p>Encik Jeyaseelan a/l T. Anthony memohon penjelasan berkaitan pelantikan 2 kontraktor daripada 6 kontraktor 'road gang' sebagaimana yang dipersetujui.</p> <p>Pengarah Jabatan Kejuruteraan menjelaskan bahawa jabatan masih dalam proses pelantikan kontraktor tersebut. Beliau turut menjemput semua Ahli Majlis untuk menghadiri mesyuarat lanjutan berkaitan perkara ini selepas Mesyuarat Majlis petang ini.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>YBhg. Tuan Pengerusi Mesyuarat turut memaklumkan bahawa Majlis akan melantik 3 kontraktor 'Road Gang' dan pelantikan ini berkuatkuasa mulai Mac 2015.</p> <p>Jabatan Kejuruteraan masih meneruskan pemantauan berkaitan isu pothole dengan mengadakan mesyuarat dari masa ke semasa. Setakat ini lima (5) kali mesyuarat telah diadakan iaitu pada 23 Disember 2014, 15 Januari 2015, 28 Januari 2015, 17 Februari 2015 dan 05 Mac 2015.</p> <p>12 kontraktor telah dilantik bagi menjalankan kerja pembaikan pothole di 24 zon majlis. Setelah mesyuarat dan pemantauan dibuat Majlis juga telah melantik 8 kontraktor inden tambahan bagi menjalankan kerja di beberapa kawasan yang diperlukan.</p> <p>Disamping itu juga, kerja-kerja penampalan pothole juga dibuat secara jabatan. Pihak Majlis perlu menambah bilangan pekerja bagi memastikan perjalanan kerja secara jabatan dapat dibuat dengan lebih baik dan teratur. Sesi temuduga bagi melantik pekerja kontrak telah diadakan pada 03 Mac 2015.</p> <p>Setelah lantikan dibuat, Majlis akan mempunyai 3 pasukan kerja secara jabatan berbanding dengan keadaan sekarang hanya satu pasukan sahaja yang dapat bergerak.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
5.0 (7.5.2)	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAIYUDDIN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Beliau turut membangkitkan isu jalan di sebelah Sekolah Taman Datuk Harun yang masih dalam peringkat <i>'tindakan jabatan lagi'</i>. 	<p>Pada 6 Februari 2015, Pihak Jabatan telah mengadakan mesyuarat bersama YB. Puan Haniza binti Mohamad Talha, Encik Ariffin bin Mahaiyuddin, Wakil Tetuan Buana Perdana dan Tetuan Susunan Baru berhubung isu jalan baru di sebelah Sekolah Taman Dato' Harun.</p> <p>Mesyuarat telah memaklumkan tentang cadangan konsep bagi mengatasi masalah banjir kilat dengan dua (2) cadangan iaitu :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Membina tangki OSD dengan kapasiti 36000 m3 mengekalkan saiz longkang sedia ada. ii) Membina tangki OSD dengan kapisiti 1200 m3 dan menaiktaraf longkang sedia ada daripada 900 x 900 mm kepada 3.2m x 1.5m <p>Cadangan rekabentuk dan penyediaan dokumen telah disediakan oleh perunding dan dijangka siap pada pertengahan bulan Mac untuk Majlis menawarkan tender terbuka</p> <p>Pihak pemaju Tetuan Buana Perdana Sdn Bhd memaklumkan kepada Jabatan bahawa mereka ingin meneruskan/ menyambung projek jalan dan perparitan di PJS 2 (tepi SMK Dato' Harun) berdasarkan cadangan rekabentuk perunding Majlis melalui permohonan KM mereka kepada Majlis.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. TUAN HEE LOY SIAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Isu kerja-kerja yang tidak berjalan bagi projek menukarkan Bulatan Othman kepada lampu isyarat yang sepatutnya siap pada Oktober 2014. Beliau berharap agar jabatan berkaitan melaporkan status projek untuk makluman 	<p>Projek menaiktaraf Bulatan Othman tertangguh pada masa ini kerana terlibat dengan pengalihan injab yang berada di tengah bulatan. Sebahagian kerja tidak dapat diteruskan selagi injab tersebut tidak dibuat. Berdasarkan perbincangan terakhir pihak Majlis dengan pihak SYABAS, dijangkakan kerja injab ini akan dilaksanakan pada awal bulan April 2015. Selepas kerja injab ini selesai dilaksanakan, dalam tempoh sebulan diperlukan untuk menyelesaikan baki kerja yang tertangguh. Tempoh baru dijangkakan pada penghujung April tertakluk kepada kerja-kerja injab oleh pihak SYABAS.</p> <p>Mesyuarat memutuskan agar diadakan satu mesyuarat bersama dengan SYABAS sebelum Pemangku Datuk Bandar meninggalkan MBPJ dengan melibatkan Ahli Majlis kawasan tersebut.</p> <p>Selain daripada itu Jabatan Kejuruteraan juga hendaklah mengemukakan notis makluman awal berkaitan perkara ini kepada penduduk.</p> <p>Pemantauan di tapak juga perlu dibuat agar kawasan tersebut tidak ditumbuhi rumput yang menggambarkan seolah-olah tiada apa-apa tindakan diambil.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	<ul style="list-style-type: none"> - Isu projek di Jalan Gasing yang menyebabkan jalan di kawasan projek berlubang dan rosak teruk. 	<p>Projek di Jalan Gasing melibatkan kerja-kerja paip pembentungan IWK. Pihak Majlis telah pun mengeluarkan notis berhenti kerja kepada Syarikat Cipta Wawasan Maju pada 13 Januari 2015 kerana tidak mematuhi syarat-syarat Majlis. Mesyuarat dan lawatan tapak susulan telah diadakan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) dan IWK bagi mengenalpasti dan mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah berbangkit. Pihak kontraktor perlu membaikpulih jalan-jalan yang rosak dan mematuhi Pelan Pengurusan Lalulintas yang telah ditetapkan.</p> <p>Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa semua notis berhenti kerja telah ditarik balik setelah Majlis memastikan bahawa segala syarat-syarat telah dipatuhi oleh kontraktor terlibat. Majlis turut memaklumkan bahawa seramai 4 orang telah ditugaskan untuk memantau projek ini pada waktu malam dan siang.</p>



6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 13 FEBRUARI 2015, 2 MAC 2015, 10 MAC 2015 DAN 20 MAC 2015.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (88)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (92)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (95)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (97)

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 25 FEBRUARI 2015, 6 MAC 2015 DAN 18 MAC 2015.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (67)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (69)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (71)

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 9 MAC 2015 DAN 25 MAC 2015.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (115)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (117)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 10 MAC 2015.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (47)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.



**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 11 MAC 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (65)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH
11 MAC 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (25)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN
PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 12 MAC 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 (124)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit Audit, MBPJ.

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 12 MAC 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (93)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 17 MAC 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (31)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan minit bagi perkara 3 para 4.1 di muka surat 4 iaitu:-



Mesyuarat mengambil maklum untuk mengeluarkan 4 perkara untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Seksyen 14, Akta 172 seperti berikut:-

- a. Mengekalkan nisbah plot 1 : 4 bagi TOD (*Transit Oriented Development*) seperti yang diputuskan di Mesyuarat Majlis pada Februari 2014
- b. Garis Panduan dan Piawaian Pelaksanaan mesti diwartakan bersama.
- c. MBPJ perlu membuat perancangan dan kajian terperinci bagi 2 tapak yang terlibat dengan pindaan zon guna tanah di dalam cadangan pengubahan 2 RTPJ 1 dan pengubahan 1 RTPJ 2 dan sehingga hasil kajian diperolehi ianya perlu dikekalkan sebagai zon guna tanah asal. Tapak-tapak tersebut adalah :
 - Tanah RRI, PJU 4 yang dimiliki oleh KWASA LAND Sdn. Bhd. kekal sebagai zon guna tanah Kegunaan Kerajaan.
 - Lot 2, Jalan Utara, Seksyen 52 (Filem Negara) yang dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian kekal sebagai zon guna tanah perdagangan terhad (institusi).
- d. Zon guna tanah bagi 27 lot perumahan di Jalan SS 24/10 dan 20 lot perumahan di Jalan SS 24 / 9 kekal sebagai zon perumahan.

Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa Jabatan terlibat perlu memaklumkan kepada Ahli Majlis terutama ketua Whip sebelum perkara ini dibawa ke SPC.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.



6.10 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 18 MAC 2015.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (33)]

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7.0 **UCAPAN PENANGGUHAN**

7.1 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. TUAN IR. LEE SUET SEEN**

7.1.1 Beliau mengucapkan selamat pagi dan memaklumkan bahawa ini merupakan mesyuarat terakhir Ahli Majlis bersama Timbalan Datuk Bandar, Encik Puasa Md Taib. Harapan beliau agar Tuan Puasa dapat kembali ke Petaling Jaya bagi meneruskan perkhidmatan kepada MBPJ.

Beliau membangkitkan dua (2) perkara iaitu-

a) Bajet 2016

Beliau berharap agar semasa penyediaan bajet 2015, Majlis hendaklah menitikberatkan bajet infrastruktur dan pengangkutan awam. Kerjasama hendaklah diadakan dengan SPAK untuk pembinaan tempat menunggu bas yang praktikal dan lebih selesa kepada orang awam.

Jabatan-Jabatan terlibat hendaklah bekerjasama untuk menyediakan bajet seperti contohnya dari segi perancangan program akan diuruskan oleh Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan dan Pengarah Jabatan Kejuruteraan akan melaksanakan rancangan tersebut.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

b) Pelaksanaan Fasa Kedua Jalan Sehala

Beliau membangkitkan isu di mana pelaksanaan jalan sehala telah memasuki fasa kedua, namun masih tiada maklumat kepada orang awam berkaitan kesan cadangan pada masa hadapan. Pengarah, Jabatan Kejuruteraan perlu menilai



pelaksanaan projek tersebut dan memberi gambaran hasil dan kesan pelaksanaan sistem jalan sehala pada masa hadapan. Dengan adanya maklumat kepada penduduk, bantahan dan rasa tidak puas hati penduduk Petaling Jaya terhadap pelaksanaan projek ini akan berkurangan.

Sehubungan dengan itu beliau berharap agar Jabatan Kejuruteraan bersama Unit Perhubungan Awam dan Korporat dapat bekerjasama menyalurkan maklumat kepada penduduk Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Ketua Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.**

7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH

7.2.1 Beliau melahirkan perasaan sedih di atas pemergian Tuan Puasa bin Md Taib memandangkan beliau telah berkhidmat bersama Tuan Puasa bin Md Taib selama 7 tahun semenjak tahun 2008. Pada pandangan beliau Tuan Puasa bin Md Taib seorang yang mudah mesra dan sentiasa meluahkan masa untuk melayani orang awam termasuk warga kerja MBPJ yang ingin berjumpa dengan beliau. Menurut beliau lagi, Tuan Puasa bin Md Taib merupakan seorang pentadbir yang efisien. Pemergian Tuan Puasa bin Md Taib merupakan kehilangan besar kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

7.2.2 Beliau turut berharap agar Majlis menyediakan kertas kerja kajian implikasi kewangan Majlis berikutan pelaksanaan GST. Sekiranya GST yang terlibat dapat ditanggung oleh Majlis perkara ini boleh diusulkan kepada SUK untuk digunapakai di seluruh Selangor. Selain daripada itu, Majlis boleh membuat makluman awal pelaksanaan GST dengan mengeluarkan kenyataan berkaitan barang-barang yang dikenakan GST.

**Tindakan : Ketua Unit, Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL

7.3.1 Beliau mengucapkan salam perpisahan buat Tuan Puasa bin Md Taib yang merupakan seorang yang mudah mesra dan sentiasa bersedia berbakti kepada masyarakat Petaling Jaya. Beliau berharap satu hari Tuan Puasa akan menjadi Datuk Bandar, MBPJ.



7.3.2 Beliau turut mencadangkan agar diadakan *Bajet Monitoring Committee* memandangkan terdapat permintaan daripada penduduk bertanyakan bagaimana bajet di Petaling Jaya diuruskan secara sistematik dan dipantau oleh Ahli Majlis dan penduduk Petaling Jaya. Idea ini telah dikemukakan sebelum ini dan telah ditolak oleh mantan Datuk Bandar. Menurut beliau lagi cara ini boleh melibatkan penduduk memberikan cadangan dan bukan sebagai pengkritik pembangunan di Petaling Jaya.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG

7.4.1 Beliau mengucapkan tahniah kepada Tuan Puasa bin Md Taib. Menurut beliau sepanjang lima (5) tahun berkhidmat sebagai Ahli Majlis yang memantau Zon dua (2), Tuan Puasa sentiasa mengambil berat masalah yang diutarakan. Tuan Puasa juga sudi turun padang untuk mendengar pandangan dan permasalahan yang dikemukakan oleh penduduk Petaling Jaya terutama di Zon pemantauan beliau.

Beliau berharap agar Tuan Puasa akan mempraktikkan pengalaman beliau di Petaling Jaya untuk memajukan Majlis Perbandaran Sepang.

Tindakan : Makluman.

7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH

7.5.1 Beliau meluahkan perasaan sedih di mana dalam masa dua (2) beliau beliau rasa kehilangan dua (2) orang yang begitu rapat dengan beliau. Sepanjang dua tahun setengah ini beliau merasakan seronok berkhidmat bersama-sama YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad dan Tuan Puasa bin Md. Taib. Beliau amat berharap agar Tuan Puasa bin Md Taib kembali semula ke Petaling Jaya sebagai Datuk Bandar, MBPJ suatu hari nanti.

Tindakan : Makluman.



7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING

7.6.1 Beliau mengucapkan terima kasih daun keladi dan berharap agar dalam masa tiga (3) tahun ini Tuan Puasa bin Md. Taib akan kembali semula ke Petaling Jaya sebagai Datuk Bandar, MBPJ.

Tindakan : Makluman.

7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR

7.7.1 Beliau berharap agar Majlis dapat menangani masalah di Lembah Subang. Beliau berharap agar satu Jawatankuasa Teknikal PPR diwujudkan oleh Ahli Majlis dengan dipantau oleh Jabatan Penilaian dan Unit Audit Dalam.

**Tindakan : Ahli Majlis, MBPJ,
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta,
MBPJ,
Ketua Unit Audit Dalam, MBPJ.**

7.7.2 Beliau meminta agar kajian semula dibuat ke atas isu sampah di bawah pemantauan PKNS di mana MBPJ terpaksa menanggung beban tersebut.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.

7.7.3 Beliau turut membangkitkan isu pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pembuangan sampah oleh penjaja. Hal ini boleh menyebabkan peningkatan kos kepada Kerajaan Negeri dan juga kerugian serta masalah kepada MBPJ.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.

7.7.4 Beliau mencadangkan agar Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan melibatkan agensi-agensi lain seperti Lembaga Zakat dan Lembaga Pertubuhan Rakyat di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal untuk basmi miskin Bandar. Beliau turut memaklumkan agar Ahli Majlis kawasan mengambil borang untuk diedarkan kepada penduduk golongan miskin Bandar agar Majlis dapat menyalurkan bantuan.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan,
MBPJ,
Ahli Majlis, MBPJ.**

7.7.5 Akhirnya beliau mengucapkan salam perpisahan kepada Tuan Puasa bin Md. Taib. Sepanjang bersama Tuan Puasa semenjak tahun 2008, tidak dinafikan Tuan Puasa seorang yang senang untuk berbincang dan dapat menyelesaikan masalah rakyat. Beliau mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun :-

Dari PJ pergi ke Sepang
Jawatan YDP disandang kini
Kami disini semakin bimbang
Takut nanti tak kenal kami

7.8 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZIZI BIN ARIFFIN**

7.8.1 Beliau mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan Puasa bin Md Taib sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang.

7.8.2 Beliau turut menegur team bencana di MBPJ di mana tiada koordinasi dan kerjasama sesama jabatan selain tiada pemantauan.

Tindakan : Ketua Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.

7.9 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SHATIRI BIN MANSOR**

7.9.1 Beliau mengucapkan terima kasih dan menyatakan walaupun beliau masih baru untuk mengenali Tuan Puasa bin Md. Taib tapi beliau amat selesa untuk berbincang dengan Tuan Puasa. Beliau berharap agar Tuan Puasa bin Md Taib dapat menerajui MBPJ suatu hari nanti sebagai Datuk Bandar, MBPJ.

7.9.2 Beliau turut membangkitkan isu aduan yang masih belum selesai antaranya PPR Seksyen 8, nombor aduan 1505547 dan 1502802.

Tindakan : Ketua Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.

7.10 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN WONG YUET LENG**

7.10.1 Beliau mengucapkan tahniah kepada Tuan Puasa bin Md Taib di atas pelantikan sebagai Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang dan menyifatkan Encik Puasa seorang yang terlalu baik.

Tindakan : Makluman



7.11 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN SIA SIEW CHIN

7.11.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Tuan Puasa bin Md. Taib dan selamat maju jaya.

7.11.2 Beliau menyuarakan permintaan beliau agar jabatan berkaitan membukukan dasar-dasar yang telah diluluskan oleh Majlis untuk rujukan dan sampai sekarang masih belum ada tindakan. Buku ini amat penting sebagai rujukan terutama kepada kakitangan yang baru dilantik dan juga Ahli-Ahli Majlis baru.

Tindakan : Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.

7.12 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHAN KIEN FATT

7.12.1 Beliau mengucapkan tahniah kepada Tuan Puasa bin Md. Taib. Walaupun tidak mengenali Tuan Puasa memandangkan baru dilantik sebagai Ahli Majlis, beliau berharap agar Tuan Puasa dilantik sebagai Datuk Bandar, MBPJ satu hari nanti.

Tindakan : Makluman.

7.13 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SUGUMARAN A/L ANNAMALAI

7.13.1 Beliau memaklumkan walaupun belum pernah berjumpa dengan Encik Puasa bin Md. Taib secara peribadi beliau mengharap agar Encik Puasa akan datang ke Petaling Jaya sebagai Datuk Bandar.

Tindakan : Makluman.

7.14 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHONG FOOK MENG

7.14.1 Beliau mengucapkan terima kasih dan memohon maaf kerana mengemukakan usul tanpa membuat permohonan sebagaimana biasa. Beliau berharap agar ada program berkembar di antara MBPJ dengan MP Sepang satu hari nanti. Beliau turut menggarap pantun bagi kenangan bersama Tuan Puasa iaitu:-

Tahun cepat berlalu
Nak pisah makan tak lalu
Terus berjuang ditempat baru
Jauh di mata rindu kami selalu

Tindakan : Makluman.

7.15 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK

7.15.1 Beliau menyokong usul yang dibangkitkan oleh Encik Tang Fui Koh berkaitan dengan cadangan menyerap GST oleh MBPJ bagi mengurangkan bebanan rakyat. Menurut beliau lagi sebagai negeri berkebajikan, sekiranya Negeri Selangor dapat mengurangkan separuh daripada bebanan GST pun dah kira memadai bagi membantu rakyat Negeri Selangor.

7.15.2 Beliau turut membangkitkan saranan YAB Dato' Menteri Besar Selangor yang mengumumkan MBPJ sebagai kota seni namun menurut beliau lagi sehingga sekarang masih belum nampak identiti kota seni sebagaimana saranan YAB Dato' Menteri Besar tersebut. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar warga kerja MBPJ dapat memikirkan bersama identiti Kota Seni tersebut.

Puan Sia Siew Chin turut mencadangkan agar Kota Seni tersebut ditukar kepada Kota Perdagangan dan Perkhidmatan.

7.15.3 Akhirnya beliau mengucapkan tahniah kepada Tuan Puasa bin Md. Taib dan berharap agar beliau dapat mengekalkan tanggungjawab dan amanah yang diberi di tempat baru.

Tindakan : Makluman.

7.16 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAIYUDDIN

7.16.1 Beliau mengulas isu yang dibangkitkan oleh Encik Halimey bin Abu Bakar berkaitan Lembah Subang dan perkara ini turut dibangkitkan oleh YB. Tuan Iskandar bin Abdul Samad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar semasa lawatan di Lembah Subang. Keadaan tempat tersebut amat naif di mana tangga tercabut dan lift tidak berfungsi. Beliau berharap agar Ahli Majlis kawasan melihat dan menguruskan masalah tersebut dengan kadar segera.

7.16.2 Beliau turut membangkitkan Jawatankuasa Rumah Serata yang masih tidak ditubuhkan lagi. Perkara ini bukan hanya melibatkan Lembah Subang akan tetapi melibatkan rumah flat yang lain.

Tindakan : Ketua Unit COB, MBPJ.

7.16.3 Beliau turut membangkitkan penerimaan CD agenda untuk mesyuarat yang lambat diterima. Menurut beliau CD tersebut hendaklah sampai kepada Ahli Majlis selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum mesyuarat bersidang bagi tujuan semakan oleh Ahli Majlis.

7.16.4 Selain daripada itu, beliau turut mencadangkan agar Mesyuarat Majlis diadakan selain daripada hari Jumaat memandangkan kesuntukan masa untuk menunaikan Solat Jumaat.

7.16.5 Beliau turut menegur cara berpakaian oleh orang awam yang hadir ke pejabat MBPJ. Seharusnya MBPJ mempraktikkan etika berpakaian kepada orang awam sebagaimana Agensi Kerajaan yang lain. Sebagai contohnya di Jabatan Imigresen, orang awam yang berpakaian menjolok mata tidak dibenarkan untuk berurusan di pejabat atau kaunter.

Tindakan : Timbalan Setiausaha, MBPJ.

7.17 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN RAJA FAIRUZ BIN RAJA MAZLAN

7.17.1 Beliau mengucapkan tahniah kepada Tuan Puasa bin Md. Taib. Ucapan terima kasih juga tidak lupa di atas jasa baik dan pernah meluangkan masa untuk melawat zon beliau. Beliau turut berpantun:-

Ayam rintik di tepi hutan
Terlihat dari pinggir telaga
Nama yang baik dalam ingatan
Seribu Tahun terkenang juga

Tanam lenggun tumbuh kelapa
Terbit bunga pucuk mati
Budi tuan kami tidak lupa
Telah terpahat di dalam hati

Tindakan : Makluman.

7.18 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH AZRI BIN MOHAMAD ARISH

7.18.1 Beliau mengusulkan bahawa Majlis mengubah pendekatan tadbir urus sekarang daripada mirip pembalasan kasihan ke atas pesalah kepada konsep *offender pays*. Pada masa kini, beliau mendapati bahawa salah satu punca tindakan penguatkuasaan kurang berkesan kerana terdapat pesalah tidak



merasa takut dan malu di atas kedalahan yang dilakukan, ada kalanya berulang kali asalkan pembayaran telah dilakukan. Majlis juga mengambil kira saman yang dikeluarkan sebagai bukti untuk menimbangkan permohonan seperti lesen penjaja dan kelulusan pembangunan. Pada pandangan beliau pendekatan ini adalah kurang munasabah dan memberikan satu persepsi salah kepada masyarakat bahawa orang yang membuat salah diberi ganjaran.

Beliau mengesyorkan Majlis menerima pakai konsep *offender pays* di mana satu sistem pemantauan kesalahan diadakan penalti yang setimpal dan mampu menakutkan pesalah daripada mengulangi kesalahan yang sama. Pendekatan ini haruslah diamalkan dalam semua urusan pentadbiran, pelesenan, perancangan pembangunan dan pelaksanaan program. Ke arah itu, beliau mengemukakan cadangan seperti berikut:-

- a. Penjaja tanpa lesen yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan seperti notis saman sebanyak 3 kali dan ke atas walaupun pembayaran telah dibuat tindakan dipertimbangkan dalam sebarang permohonan lesen di pusat penjaja, pasar, pasar malam ataupun permit sementara bagi sesuatu tempoh seperti yang ditetapkan.
- b. Peniaga yang melanggar syarat lesen tidak akan dibenarkan untuk memperbaharui lesen pada tahun berikutnya berdasarkan sistem demerit yang akan dirangkakan.
- c. Penduduk yang melakukan apa-apa sahaja kesalahan Majlis, tidak akan dipertimbangkan untuk memohon kemudahan awam termasuk sewaan perumahan PPRT, dewan, kemudahan sukan, keahlian perpustakaan, peluang penjajaan dan lain-lain.
- d. Pemaju yang melanggar syarat pemajuan seperti tempat pembiakan nyamuk, kerja di luar waktu yang dibenarkan, kekotoran persekitaran, sampah haram dan lain-lain akan dikenakan notis berhenti kerja di tapak tersebut dan juga tapak yang lain yang dimiliki oleh syarikat ataupun pengarah yang sama bagi tempoh yang ditetapkan.
- e. Syarikat termasuk pengarah bagi firma kontraktor yang gagal menjalankan tugas sebagaimana kontrak tidak akan ditawarkan kerja lain dalam sesuatu tempoh yang ditetapkan.



Bagi tujuan pelaksanaan, beliau mengesyorkan satu jawatankuasa teknikal yang terdiri daripada tiga (3) orang ahli majlis, lima (5) orang pegawai terdiri daripada Timbalan Setiausaha, wakil jabatan korporat, Perundangan, Penguatkuasaan dan Teknologi Maklumat serta diurusetikan oleh Unit Audit Dalam dibentuk untuk meningkatkan sistem pemantauan dan demerit yang merangkumi kategori kesalahan, jenis penalti, mekanisma pelaksanaan, bank data, penguatkuasaan dan pertimbangan lain. Jawatankuasa teknikal ini diberikan tempoh masa tiga (3) bulan untuk mengemukakan caangan kepada Mesyuarat Majlis bagi pertimbangan lanjut.

**Tindakan : Ketua Unit Audit Dalam, MBPJ,
Timbalan Setiausaha, MBPJ,
Wakil Korporat, MBPJ
Wakil Perundangan, MBPJ,
Wakil Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ,
Wakil Reknologi Maklumat, MBPJ**

7.19 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN A/L A ANTHONY

7.19.1 Beliau mengucapkan selamat maju jaya kepada Tuan Puasa bin Md. Taib dan berharap agar hubungan terus berkekalan walaupun telah berkhidmat di Majlis Perbandaran Sepang.

Tindakan : Makluman.

7.20 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

7.20.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Encik Puasa bin Md. Taib yang telah berkhidmat selama 7 tahun di MBPJ. Beliau merasakan kehilangan memandangkan tempoh 7 tahun adalah satu tempoh yang matang dan merupakan satu kerugian kepada MBPJ. Walaubagaimanapun beliau berharap agar Tuan Puasa sentiasa mengingati warga kerja yang ditinggalkan.

7.20.2 Beliau menyentuh semangat kerjasama di antara Ahli Majlis dan warga kerja MBPJ yang semakin luntur disebabkan kekalutan yang ditimbulkan berkaitan isu bonus. Beliau turut menyentuh kronologi berkaitan isu bonus yang menjadi isu iaitu:-

a) Majlis telah membentangkan kertas kerja Bayaran Khas Prestasi di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan keputusan telah dicapai dengan bersyarat sebarang



keputusan hendaklah di bawa ke Kerajaan Negeri dan keputusan ini belum muktamad.

- b) Di atas permintaan Ahli Majlis yang tiada dalam Jawatankuasa Kewangan pada masa itu, satu Mesyuarat Khas telah diadakan yang dipengerusikan sendiri oleh beliau memandangkan Pemangku Datuk Bandar menghadiri Mesyuarat di SUK. Di dalam Mesyuarat Khas tersebut, Ahli Majlis terpaksa mengundi untuk mendapatkan keputusan terbaik (Ketua Jabatan diminta untuk keluar dari bilik Mesyuarat buat seketika). Keputusan ini belum muktamad kerana akan dibawa ke Kerajaan Negeri untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berasa sedih kerana ada dikalangan Ahli Majlis dengan niat baik telah menyebarkan perkara tersebut di dalam media sosial. Walaupun maklumat tersebut dianggap baik untuk disebarkan namun telah menyalahi peraturan di mana sebagai penjawat awam yang telah membacakan dan menandatangani Perakuan oleh Penjawat Awam berkaitan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 tidak boleh membocorkan apa-apa maklumat yang dianggap sulit.

Insiden daripada perkara tersebut telah menjejaskan hubungan di antara warga kerja MBPJ dengan Ahli Majlis terlibat. Sebenarnya ini bukanlah masalah pemberian ganjaran khas prestasi akan tetapi lebih kepada pendedahan maklumat sulit kepada orang awam.

Beliau turut kesal di atas tindakan warga kerja MBPJ yang telah mempolitikkan perkara ini dengan membuat bantahan kepada Ahli Majlis berkaitan.

Menurut beliau lagi, perbalahan sebegini menimbulkan pandangan negatif di kalangan orang awam. Ini sedikit sebanyak mengurangkan kepercayaan orang awam kepada MBPJ dan warga kerjanya.

Ahli Majlis adalah salah seorang daripada warga kerja MBPJ dan perlu membezakan kerja-kerja yang melibatkan ADUN dan Ahli Parlimen dengan kerja-kerja legislatif di PBT. Memandangkan Ahli Majlis adalah warga kerja MBPJ maka perlu bersama-sama untuk menjaga tahap kerahsiaan yang terkandung di dalam Akta serta bekerjasama sesama kita. Sebarang keputusan yang belum muktamad tidak boleh disebarkan di media-media sosial bagi tujuan perbincangan atau apa sekalipun.




Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar kita semua mengambil iktibar perkara yang berlaku dan menjernihkan semula hubungan yang keruh bagi mencapai visi dan misi MBPJ iaitu Petaling Jaya Bandar Raya Peneraju, Dinamik dan Lestari serta menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti demi kesejahteraan Petaling Jaya.

Tindakan : Makluman.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.22 tengahari. YBhg. Tuan Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa Majlis akan menerima lawatan daripada Asan City, Korea untuk menandatangani MOU. Beliau turut berharap agar satu perjumpaan di antara Datuk Bandar, Ahli Majlis, Pengawai dan ANULAE diaturkan agar tiada salah faham sesama kita dan berharap dengan perjumpaan tersebut hubungan akan lebih baik bagi meningkatkan perkhidmatan MBPJ.

Beliau turut memaklumkan bahawa pada 1 April 2015, jam 10.00 pagi akan diadakan Majlis Perakuan Menerima Jawatan oleh YBhg. Datuk Bandar yang baru. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar Ahli Majlis hadir ke Majlis tersebut.

Akhir sekali beliau sekali lagi menekankan semangat kerjasama yang padu diantara wargakerja MBPJ amat penting demi mencapai visi dan misi MBPJ.


(HJ. AHMAT MOHAAYEN BIN HJ. SAID AMN, AIS, PJK)
Timbalar Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 10 April 2015

LAMPIRAN KEHADIRAN

HADIR:

01. Tuan Puasa bin Md Taib, - Pengerusi
Pemangku Datuk Bandar, MBPJ.
02. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Oon Chong Ling,
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Azizi bin Ariffin,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Puan Sia Siew Chin,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Tang Fuie Koh,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Mahharul bin Ismail,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ.



15. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Halimey bin Abu Bakar,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Shatiri bin Mansor,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Chong Fook Meng,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Sugumaran a/l R. Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Wong Yuet Leng,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Chan Kien Fatt,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Encik Ang Ming Ern, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Encik Ong Swee Long, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
02. Puan Faiwos binti Abdul Hamid,
Wakil Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.



03. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
04. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
05. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
06. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
07. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
08. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu, A.M.S
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.
09. Encik Tun Mohd Izlizam bin Bahardin,
Wakil Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
10. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
11. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam, MBPJ.
12. Puan Ruzaida binti Tormodi,
Wakil Ketua Unit (Perundangan), Unit Perundangan, MBPJ.
13. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Ketua Unit (Perhubungan Awam dan Korporat),
Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.
14. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,
Ketua Unit (Audit Dalam), Unit Audit Dalam, MBPJ.
15. Cik Nor Shabani binti Johari,
Ketua Unit, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
16. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,
Ketua Unit, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
17. Puan Zatul 'Iffah binti Azizan,
Wakil Ketua Unit, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.



18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Saliza binti Mohd. Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Venayagamurthiy a/l Arumugam,
Wakil ADUN Seri Setia.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

